

Kesukarelawan patut jadi budaya: Abdullah

Didik generasi muda prihatin bantu golongan kurang upaya

Oleh Norfatimah Ahmad

BANGI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat menjadikan kegiatan sukarelawan dalam membantu golongan yang memerlukan dan kurang upaya sebagai budaya hidup supaya negara maju dalam bidang pembangunan khidmat kebajikan.

Sambil menjadikan pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Malaysia sebagai negara terulung dalam usaha membasmi kemiskinan sebagai contoh terbaik, Perdana Menteri berharap seluruh dunia akan juga mengenali negara kerana sikap keprihatinan dan tanggungjawab sosial masyarakatnya.

"Sejak 60 tahun lalu, kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyemai jasa bakti dengan bersungguh-sungguh tanpa kenal erti penat, malah tidak hilang semangat, walaupun menghadapi pelbagai masalah serta aduan.

"Seharusnya usaha itu disokong masyarakat dengan mendidik gene-

rasi sekarang dan akan datang supaya terbabit dalam persatuan untuk menyemai perasaan penyayang dan menggerakkan mereka membantu golongan kurang upaya.

"Syarikat swasta pula boleh menjadikan persatuan sebagai anak angkat menerusi pembiayaan program menjayakan khidmat kepada kumpulan sasaran," katanya ketika melancarkan program pembangunan masyarakat, Nada Nadi Komuniti sempena ulang tahun ke-60 JKM di Pusat Latihan, Perindustrian dan Pemuliharaan (PBPP), di sini, semalam.

Pendekatan terbaru Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu dilengkapi dengan pelancaran logo baru JKM serta program Kembara Kebajikan yang berakhir 4 Ogos ini.

Serentak dengan majlis itu, Abdullah merasmikan PLPP yang kini melatih 153 orang kurang upaya (OKU) membabitkan pelbagai program latihan dalam bidang teknologi maklumat (IT), kemahiran serta elektronik.

Abdullah berkata, jika dulu ban-

tuhan kewangan adalah aspek utama membantu kumpulan sasaran, pendekatan baru yang dilaksanakan dengan memberi tumpuan ke arah membina keupayaan golongan terbabit adalah wajar kerana mereka dapat memiliki kebolehan dan potensi bekerja dalam pelbagai bidang.

Berikutan itu, Perdana Menteri mahu semua institusi latihan melatih OKU mementingkan mutu program bagi memastikan golongan itu dapat bersaing dalam pasaran buruh

dengan masyarakat normal.

Sementara itu, Perdana Menteri malam tadi menghadiri majlis makan malam Balai Iktisas Malaysia (BIM), pertubuhan yang dianggotai 20 persatuan profesional.

Hadir sama, Presiden BIM, Issacc Sunder Rajan dan kira-kira 500 ahli persatuan profesional seperti Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Perubatan Malaysia, Institut Kimia Malaysia, Pertubuhan Arkitek Malaysia dan Persatuan Farmaseutikal Malaysia.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menggesa anggota BIM membantu memajukan negara melalui kaedah menghasilkan produk baru yang inovatif dan kompetitif melalui kemajuan dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

"Malaysia tidak boleh ketinggalan dalam persaingan dengan negara Asia Tenggara lain seperti Thailand dan Vietnam yang semakin giat mengejar kemajuan kita, selain negara Asia seperti China dan India," katanya.

FAKTA NOMBOR

Jabatan Kebajikan Masyarakat

3,900

Kakitangan

60

Ulang tahun JKM